

Queenie, Ratu Lempar Cakera Graduan UPM berjaya genggam Ijazah Pendidikan

Oleh: Helena Pieary Juman



SERDANG, 1 Disember- Ratu lempar cakera negara Queenie Kung Ni Ting, 27, berjaya menggenggam segulung Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jasmani pada majlis konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) yang ke-48 hari ini.

Atlet lempar cakera wanita negara itu berbangga dengan pencapaian serta kejayaannya sepanjang berada di UPM. Beliau juga telah membuktikan bahawa dirinya sebagai atlet bukan sahaja cemerlang dalam sukan tetapi juga dalam dunia akademik.

“Sebagai seorang pelajar dalam masa yang sama juga atlet sepenuh masa, itu bukanlah sesuatu yang mudah, tetapi saya rasa semuanya berbaloi dan usaha keras saya terbayar dengan kesemua kejayaan saya pada hari ini,

Berada dalam dunia sukan, membuatkan beliau mampu membahagikan masa dengan lebih baik,

“Sekiranya ada kejohanan besar, saya menyusun semula jadual dengan jurulatih supaya mengurangkan kuliah yang terpaksa ditinggalkan.



“dalam kesibukan latihan dan kuliah, sedikit sebanyak memberi tekanan kepada saya, namun saya perlu mencari cara mengatasinya.

“apabila saya merasa sedih atau kecewa, saya selalu ingatkan diri saya dengan kata-kata *Good things take time*, untuk mengembalikan semangat dalam diri saya.

Tambah beliau, ketika di temubual pada Majlis Konvokesyen UPM ke-48, beliau berhasrat untuk terus mengejar dan komited dalam dunia sukan, pada masa yang sama beliau ingin melanjutkan pengajian di UPM dalam Master Pendidikan Kaunseling dan Bimbingan